

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan meninjau pemilihan bahasa dalam komunikasi berbantuan komputer (KBK) dalam kalangan mahasiswa Cina di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Dua medium komunikasi yang diberikan tumpuan dalam kajian ialah laman jaringan sosial dan mesej segera. Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa responden dalam kedua-dua medium komunikasi tersebut juga dikaji. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini termasuk soal selidik dan temu bual. Seramai 100 orang mahasiswa Cina pada peringkat ijazah sarjana muda dijadikan responden kajian ini. Analisis menunjukkan bahawa bahasa Inggeris paling dominan digunakan oleh responden, diikuti dengan bahasa Cina, manakala bahasa Melayu mencatatkan kadar penggunaan yang paling rendah. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pola pemilihan bahasa dalam KBK adalah sama bagi tujuan komunikasi dan interlokutor yang berlainan. Selain itu, keputusan ujian khi-kuasa dua menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara pemilihan bahasa dalam KBK dengan merujuk kepada gender dan program pengajian responden. Akhirnya, faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa responden dalam KBK termasuk (i) kesenangan dan keselesaan terhadap penggunaan sesuatu bahasa; (ii) kedominan sesuatu bahasa, dan (iii) faktor persekitaran.

## **ABSTRACT**

This study aims to investigate the language choice in computer-mediated communication (CMC) among the Chinese students at the University of Malaya, Kuala Lumpur. This study focuses on two mediums of communication - social network sites and instant messenger. Factors influencing the language choice of respondents in these two communication mediums were also studied. The instruments employed in this study are questionnaires and interviews. There were 100 Chinese undergraduates participated in this study. Analysis shows that English is the most dominant language used by respondents, followed by Chinese, while the Malay language has the lowest usage rate. The finding of this study also shows that the pattern of language choice in CMC is similar for different purposes of communication and interlocutors. The results of chi-squared test show no significant difference in the language choice between CMC when refer to respondents gender and programs of their studies. And finally, factors influencing the language choice in CMC among the respondents, include (i) the convenience and comfort of using a language; (ii) the dominance of one language, and (iii) the environmental factors.

## **PENGHARGAAN**

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan yang tulus ikhlas kepada penyelia saya, Puan Chong Siew Ling yang telah membantu dan memberi bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat yang amat bernilai sepanjang proses penyiapan kajian ini. Beliau telah mengesyorkan pelbagai bahan rujukan yang berguna dalam penulisan laporan tinjauan ini.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua responden yang sudi meluangkan masa untuk menjawab soal selidik dan bersukarela untuk menyumbangkan data-data yang berguna dalam temu bual bagi menjayakan tinjauan ini.

Tidak lupa juga saya ingin menunjukan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kawan-kawan dan ahli keluarga yang selalu bersedia memberikan idea, bantuan, semangat dan motivasi kepada saya untuk menempuhi pelbagai halangan sepanjang pengajian saya.